



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR KELUARGA DAN AMALAN BERAGAMA,  
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR MISKIN  
DI NEGERI SELANGOR, MALAYSIA.**

**ZULKIFLI ABDUL HAMID**

**IPSS 2011 3**

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR KELUARGA DAN AMALAN BERAGAMA,  
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR MISKIN  
DI NEGERI SELANGOR, MALAYSIA.**

Oleh

**Zulkifli Bin Abd.Hamid**

**Mei 2011**

**Pengurus** : **Jamilah Othman, PhD**

**Fakulti** : **Institut Pengajian Sains Sosial**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap Status Sosio Ekonomi (SSE), penglibatan ibu bapa di rumah dan amalan beragama dengan pencapaian akademik pelajar – pelajar miskin di negeri Selangor. Seramai 180 orang pelajar miskin yang tinggal di rumah bersama keluarga terlibat dalam kajian ini. Sosio ekonomi ibu bapa diukur daripada aspek pekerjaan, pendidikan dan pendapatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah diukur dari aspek perbincangan, penyeliaan dan komunikasi ibu bapa di rumah. Manakala amalan beragama pelajar pula diukur daripada aspek akidah, ibadah dan akhlak pelajar dalam kehidupan seharian. Pencapaian akademik pelajar merujuk kepada keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pelajar.

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan pada tahap rendah di antara tahap pendidikan bapa dengan pencapaian akademik keseluruhan ( $r = .281$  dan  $\text{sig. } 00 < .01$ ), pendapatan bapa dengan pencapaian akademik keseluruhan ( $r = .479$  dan

sig.  $00 < .01$ ), tidak terdapatnya hubungan pendapatan ibu dengan pencapaian akademik ( $r = .036$  dan sig.  $.640 < .01$ ), tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu dengan pencapaian akademik ( $r = .054$  dan sig.  $.479 < .01$ ), pekerjaan ibu bapa pula secara keseluruhannya memberikan gambaran pencapaian akademik yang berbeza mengikut tahap pekerjaan seperti ibu bapa pelajar yang bekerja di sektor kerajaan mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi.

Kajian ini juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik iaitu terdapat hubungan yang signifikan pada tahap tinggi di antara perbincangan ibu bapa dan anak di rumah ( $r = .772$  dan sig.  $00 < .01$ ), penyeliaan ibu bapa dan anak di rumah ( $r = .739$  dan sig.  $.00 < .05$ ), komunikasi ibu bapa dan anak di rumah ( $r = .856$  dan sig.  $.000 < .01$ ), juga terdapatnya hubungan yang signifikan antara amalan beragama dengan pencapaian akademik iaitu akidah ( $r = .731$  dan sig.  $.00 < .01$ ), ibadah ( $r = .737$  dan sig.  $00 < .01$ ), akhlak ( $r = .691$  dan sig.  $00 < .01$ ) adalah pada tahap sederhana.

Penemuan kajian ini mendapati penglibatan ibu bapa dan amalan beragama di kalangan pelajar merupakan faktor penting yang berkaitan dengan pencapaian akademik. Tumpuan haruslah diberikan kepada penglibatan ibu bapa di rumah dan amalan beragama di kalangan pelajar secara khusus berbanding dengan SSE yang mana ia merupakan faktor yang telah dibantu oleh pihak kerajaan. Hasil kajian ini juga telah mencadangkan membasmi kemiskinan dengan lebih berkesan melalui pembangunan modal insan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor Of Philosophy

**RELATIONSHIP BETWEEN FAMILY FACTORS AND RELIGIOSITY PRACTICES AND ACADEMIC ACHIEVEMENT OF POOR STUDENTS IN THE STATE OF SELANGOR, MALAYSIA.**

By

**Zulkifli Bin Abd.Hamid**

**May 2011**

**Chairman : Jamilah Othman, PhD**

**Faculty : Institute for Social Science Studies**

The purpose of this study was to identify the relationships between social economic status, parental involvement at home and religious practice with academic achievement among poor students in the state of Selangor. A total of 180 poor students who stay at home with their families were involved in this study. Parental Social-Economic Status was measured by their employment, education and income aspect. Parental involvement at home was measured based on parental discussion, supervision and communication at home. Meanwhile, the students religious practices in their daily life was measured based on faith, worship and morals aspect. Student's academic achievement was referred to Lower Certificate Examination (LCE) result.

The results showed that a low significant relationship between the level of father education background and overall academic achievement ( $r=.281$ ,  $\text{sig}.00 < 0.01$ ), the level of father income with the overall academic achievement ( $r=.479$ ,  $\text{sig}.00 < 0.01$ ). However, there was no relationship between the level of mother income and academic

achievement ( $r=.036$ ,  $\text{sig}.640 < 0.01$ ), there was also no significant relationship between the level of mother education and academic achievement ( $r=.054$ ,  $\text{sig}.479 < 0.01$ ). For the results of parental occupation, student's parents who work in government sector have high academic achievement then private sector.

The study also showed that there was a significant relationship between parental involvement and academic achievement, which is a high level of significant relationship between parents and children discussion at home ( $r=.772$ ,  $\text{sig}.00 < .01$ ), parents supervision of their children at home ( $r=.739$ ,  $\text{sig}.00 < .01$ ), parents and children communication at home ( $r=.856$ ,  $\text{sig}.00 < .01$ ). Finally, there was also a significant relationship between religious practice, namely faith, worship, morals and academic achievement.

Finding from this study showed that the parent's involvement and religious practices among students is an important factor associated with academic achievement. This suggested that parental involvement at home and religious practice should be given more focus than SES factors because it will assist by government. The research also has suggested more effective poverty eradication through human capital development.

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian hanya bagi Allah S.W.T selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. yang telah memberikan petunjuk ke jalan yang lurus dan di redai semoga kita mendapat syafa'atnya kelak. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana telah memberikan kekuatan dan kesabaran dalam menempuhi pelbagai halangan, cabaran dan dugaan yang didatangkan oleh Nya dengan penuh hikmah.

Penulis akur dengan terlaksananya tesis ini, adalah berkat dorongan, sokongan daripada pelbagai pihak yang menyuntik semangat penulis dari segi moral, mental dan juga spiritual. Oleh yang demikian, dengan kesempatan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Jamilah Bt Othman selaku pengerusi, di atas segala bimbingan, dorongan dan sokongan. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar, nasihat dan panduan bagi memperkemaskan lagi tesis ini, iaitu Profesor Dr. Aminah Bt Ahmad dan Dr. Ismi Arif Bin Ismail. Penulis telah menyaksikan segala kebaikan dan susah payah Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan dalam menyampaikan ilmu, insya'Allah segala kebaikan akan dipersaksikan oleh penulis di "*Yaumul Masyhar*" nanti.

Penghargaan istimewa buat isteri tercinta Juriah Bt Abdullah yang setia sepanjang masa memberi dorongan, sokongan, doa dan pengorbanan yang sukar diucapkan dengan kata-kata. Kepada anak-anak tersayang iaitu Ahmad Mujib, Mazni, Abd Mubin, Abd Munir dan Mazlina atas persefahaman yang diberikan akan menjadi

pendorong kepada mereka kelak untuk menjadi lebih tabah, sabar, cekal dan lebih berjaya mengikuti jejak penulis kelak.

Akhir kata sebagai insan yang lemah dengan pelbagai keterbatasan, penulis menyedari terdapatnya pelbagai kelemahan dan ketidaksempurnaan dalam tesis ini.

Oleh itu, sebarang kritikan dan cadangan membina daripada pembaca sangat diharapkan untuk membentuk penulisan penulis pada masa akan datang.



## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



**ZULKIFLI BIN ABD. HAMID**

Tarikh: 30 Mei 2011



## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>Abstrak</b>	ii
<b>Abstract</b>	iv
<b>Penghargaan</b>	vi
<b>Helaian Kelulusan</b>	viii
<b>Perakuan</b>	ix
<b>Senarai Jadual</b>	x
<b>Senarai Rajah</b>	xiii
<b>Senarai Singkatan</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	1
Pendidikan dan Kemiskinan	6
Status Sosio Ekonomi	11
Pernyataan Masalah	15
Persoalan Kajian	17
Objektif Kajian	18
Hipotesis Kajian	19
Kepentingan Kajian	20
Skop Kajian	22
Limitasi Kajian	23
Definisi Istilah	23
Faktor	23
Pelajar	24
Keluarga	24
Status Sosio Ekonomi Ibu bapa	25
Amalan Beragama	25
Pencapaian Akademik	26
Miskin	26
Rumusan Bab	27
<b>2</b>	
<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	29
Kemiskinan	29
Takrif Kemiskinan	30
Kemiskinan Mutlak	30
Kemiskinan Tegar	31
Pendapatan Garis Kemiskinan	32
PGK Makanan	33
PGK Bukan Makanan	33
Takrif Kemiskinan Menurut Islam	33
Fakir	35
Miskin	36
Had Kifayah	36
Konsep Pencapaian Akademik	38
Teori	40

	Teori Ekologi	41
	Konsep Amalan Beragama	44
	Model Pencapaian Akademik	51
	Kajian Lepas	60
	Hubungan antara Kemiskinan (Status Sosio Ekonomi) Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik	60
	Hubungan antara Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik	66
	Perbincangan Ibu bapa dan Anak di Rumah dengan Pencapaian Akademik	68
	Penyelian Masa Ibu bapa dan Anak di Rumah dengan Pencapaian Akademik	70
	Komunikasi Ibu Bapa dan Anak di Rumah dengan Pencapaian Akademik	72
	Amalan Beragama Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	73
	Akidah Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	75
	Ibadah Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	77
	Akhlah Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	81
	Kerangka Konseptual Kajian	85
	Rumusan Bab	89
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Pengenalan	91
	Reka Bentuk Kajian	91
	Rangka Kerja Teoritikal	92
	Populasi	94
	Sampel	94
	Instrumen Kajian	95
	Soal Selidik	97
	Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa	97
	Soal Selidik Status Ekonomi Ibu Bapa (Demografi)	98
	Soal Selidik Amalan Beragama	98
	Soal Selidik Pencapaian Akademik	99
	Kajian Rintis	99
	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Kajian	101
	Pengumpulan Data	103
	Tata Cara Analisis Data	104
	Lokasi Kajian	106
	Tatacara dan Jadual Kerja	107
	Rumusan Bab	108
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pengenalan	110
	Profil Responden	110
	Latar Belakang Responden	110
	Pencapaian Juzuk Al-Quran	114
	Pencapaian Akademik	114
	Dapatan Deskriptif	115
	Dapatan Deskriptif Amalan Beragama Pelajar	116
	Akidah Pelajar	116

Ibadah Pelajar	118
Akhlaq Pelajar	120
Dapatan Perkaitan Penglibatan Ibu Bapa di Rumah dan Pencapaian Akademik	122
Perbincangan Ibu Bapa dan Pelajar Di Rumah Dengan Pencapaian Akademik	122
Penyeliaan Ibu Bapa dan Pelajar di Rumah dengan Pencapaian Akademik	125
Komunikasi Ibu Bapa dan Pelajar di Rumah dengan Pencapaian Akademik	126
Hubungan Status Sosio Ekonomi Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	129
Pendidikan Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	130
Pendidikan Ibu dengan Pencapaian Akademik Pelajar	131
Pendapatan Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	131
Pendapatan Ibu dengan Pencapaian Akademik Pelajar	132
Pekerjaan Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	132
Pekerjaan Ibu dengan Pencapaian Akademik Pelajar	134
Hubungan Penglibatan Ibu Bapa di Rumah dan Amalan Beragama ke atas Pencapaian Akademik Pelajar	135
Pengaruh Penglibatan Ibu Bapa di Rumah dan Amalan Beragama Pelajar terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	136
Hasil Kajian dan Perbincangan	140
Rumusan Bab	151
<b>5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
Pengenalan	153
Kesimpulan Kajian	153
Implikasi Kajian	156
Implikasi Perkaitan Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar	157
Implikasi Tahap Penglibatan Ibu Bapa terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	158
Implikasi Tahap Amalan Beragama Pelajar terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	160
Implikasi Kemiskinan terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	162
Cadangan Kepada Praktis dan Lanjutan	166
Cadangan kepada Praktis	166
Cadangan Kajian Lanjutan	168
Rumusan Bab	169
<b>Rujukan</b>	172
<b>Soal Selidik</b>	181
<b>Biodata Pelajar</b>	197